SURAT PEKELILING NO. 12/2002

DARIPADA	:	Setiausaha Kerajaan Negeri	**KEPADA**	:	Semua Pegawai Daerah selaku Pegawai Pelesenan
PERKARA	:	**Seperti Di Bawah**			
SALINAN KPD.:		Semua Residen Pesuruhjaya Polis Sarawak			
RUJ. KAMI	:	JKM.P/SEC/01/003/08	**TARIKH**	:	18 Mac 2002

PENYERAHAN BALIK SENAPANG PATAH YANG TIDAK DAPAT DIPERBAIKI KEPADA PIHAK POLIS DIRAJA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Surat Pekeliling No. 3/2002 bertarikh 16 Januari 2002 berkenaan dengan prosedur membaharui Lesen Memiliki Dan Menggunakan Senapang Patah.

2. Sehubungan dengan prosedur tersebut, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa semua senapang patah yang didapati rosak dan tidak dapat diperbaiki lagi hendaklah dirampas dan diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia.

3. Oleh yang sedemikian tuan-tuan adalah diminta untuk:

   i. memaklumkan keputusan tersebut kepada masyarakat setempat dan agensi-agensi terbabit.

   ii. mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan tersebut yang berkuatkuasa daripada tarikh pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'

(DATU HAJI SALLEH BIN HAJI SULAIMAN)
b.p Setiausaha Kerajaan
Sarawak